

25 JUL 1997

IKIM ANJUR PERSIDANGAN MENGENAI CABARAN UMAT ISLAM SERANTAU

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Ikatan Cendekiawan Muslim Se-Indonesia (ICMI) akan menganjurkan persidangan "Menghadapi Abad 21: Reformasi dan Cabaran Umat Islam Serantau" pada bulan depan.

Persidangan itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 Ogos ini diadakan dalam usaha memantapkan kedudukan umat Islam di Asia Tenggara.

Menurut Pengerusi IKIM Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dalam satu kenyataan di sini, persidangan itu diadakan bagi membolehkan para intelektual Islam di rantau ini bertukar-tukar pendapat dan kepakaran dalam membangunkan umat Islam di rantau ini.

Katanya, ia juga bertujuan memupuk jaringan kerjasama daripada segi ekonomi, sosial, pembangunan sumber manusia dan sains dan teknologi menerusi pelbagai projek usahasama.

Beliau berkata bengkel mengenai kerjasama pengembangan dalam pendidikan, latihan, pelaburan, kewangan, perdagangan, multimedia, media massa dan bahasa juga akan diadakan pada hari pertama persidangan itu.

Golongan usahawan, ahli akademik, tokoh korporat, aktivis masyarakat, ulama, institusi bukan kerajaan dan tokoh media dari negara Asean dijangka menghadiri persidangan dua hari itu.

Mereka yang berminat menghadiri persidangan itu boleh menghubungi Urusetia IKIM di Lot 26647, Langgak Tunku, Off Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur atau menelefon 03-6511972. -- BERNAMA

RHM AKD